



MALAYSIA

Warta Kerajaan

SERI PADUKA BAGINDA

DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 45
No. 12

7hb Jun 2001

*TAMBAHAN No. 50
PERUNDANGAN (A)*

P.U. (A) 169.

PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN

PERINTAH KEANGGOTAAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENDIDIKAN 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh Fasal (2) Perkara 141A Perlembagaan Persekutuan, Yang di-Pertuan Agong membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Keanggotaan Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan 2001**.

(2) Perintah ini hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Mac 2001.

Bilangan anggota lain Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan

2. Bilangan anggota lain Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan tidak boleh melebihi enam belas orang.

Dibuat 18 Mei 2001.

[PM(BK)R. 10590/117 Jld. 5; PN(PU²)171B/2B]

Dengan Titah Perintah,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Setiausaha Jemaah Menteri

FEDERAL CONSTITUTION

CONSTITUTION OF THE EDUCATION SERVICE COMMISSION ORDER 2001

IN exercise of the powers conferred by Clause (2) of Article 141A of the Federal Constitution, the Yang di-Pertuan Agong makes the following order:

Citation and commencement

1. (1) This order may be cited as the **Constitution of the Education Service Commission Order 2001**.

(2) This Order shall be deemed to have come into operation on 1 March 2001.

Number of other members of the Education Service Commission

2. The number of the other members of the Education Service Commission shall not exceed sixteen.

Made 18 May 2001.

[PM(BK)R. 10590/117 Jld. 5; PN(PU²)171B/2B]

By Command,

TAN SRI SAMSUDIN BIN OSMAN
Secretary to the Cabinet

P.U. (A) 170.

AKTA PENGGALAKAN PELABURAN 1986

KAEDAH-KAEDAH CUKAI PENDAPATAN (PENGGALAKAN EKSPORT)
(PINDAAN) 2001

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 41(3) Akta Penggalakan Pelaburan 1986 [*Akta 327*], Menteri membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) (Pindaan) 2001** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2001.

Pindaan perenggan 4(2)

2. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Penggalakan Eksport) 1986, yang terkandung dalam Jadual kepada Akta, dipinda dalam perenggan 4(2)—

(a) dengan menggantikan noktah di hujung subperenggan (j) dengan koma bertitik; dan